

Islam dan Umat Islam

Pengkhianatan Terhadap Umat Islam di Afrika

Dalam masa Yahudi Israel mengkhianati umat Islam dengan menyebarluaskan Qur'an yang telah dipalsukan di benua Afrika dan juga Asia, maka dalam masa itulah pula penjajah-penjajah Perancis, Belgium dan lain-lainnya meneruskan pengkhianatan terhadap umat Islam Afrika yang berjumlah 160 juta. Wartawan Majalah "Akhir Sa'ah", Jamil 'Arif, telah menjelajah benua Afrika dan membongkar rahsia pengkhianatan itu, dan peranan yang dimainkan oleh penyiar-penyiar Kristian yang bertopengkan agama, yang bertujuan sama seperti yang dilakukan oleh Yahudi Israel dan kaum Qadiyani, yang kesemuanya menjadi alat penjajah.

(Terjemahan Abdullah Basmeh)

160 juta umat Islam di Afrika

yang memalsukan jumlah benci umat Islam di Afrika, dengan

Seuatu hakikat yang sekian lama ditutup oleh penjajah-penjajah yang telah melapah-lapah benua Afrika, sekarang telah

tujuan hendak menutup "Nur Islām" yang terpancar dari hati benua Afrika yang besar itu.

terbongkar. Menurut penyiasatan Jamil 'Arif,

Kekejaman penjajah Belgium

wartawan "Akhir Sa'ah" bahawa penduduk benua Afrika

Umat Islam telah ditindas dengan kejam oleh

yang terbanyak sekali ialah orang-orang Islam iaitu lebih

penjajah di Afrika. Misalnya, kata wartawan Mesir lagi,

daripada 160 juta. Manakala orang-orang yang tidak beragama

dalam lawatan saya ke negeri "Ruanda Urundi"

- yang beriktikad secara jahiliyyah, ialah 40 juta, dan

yang dikuasai oleh Belgium. Kanak-kanak Islam tidak

orang-orang yang beragama Kristian hanya 21 juta menurut

dibenarkan bersekolah, kerana sekolah-sekolah yang dibuka oleh

pengakuan orang-orang Kristian sendiri.

penjajah hanya menerima kanak-kanak yang beragama Kristian.

Inilah dia hakikat yang sebenarnya, kata Jamil

Orang-orang Islam di sana tidak dibenarkan mendirikan

Arif, meskipun jumlah benci yang pernah dikeluarkan oleh

sekolah rakyat untuk anak-anak Islam. Akhirnya dengan

penjajah berlainan daripada apa yang disebutkan itu.

bersusah payah – setelah mengemukakan rayuan yang bertalu-talu

Wartawan Mesir itu menegaskan bahawa kerajaan

- mereka dibenarkan membuka sebuah sekolah tempat mengaji

penjajah dan pertubuhan-pertubuhan penyiar agama Kristian itulah

Qur'an.

Perancis Mengharamkan Penyiaran al-Qur'ān

Di negeri Cameroon pula, yang kebanyakan penduduknya beragama Islam, penajah Perancis telah menindas umat Islam dan telah melarang mereka daripada menggunakan kitab suci al-Qur'ān bahkan telah mengharamkan daripada Qur'an diajarkan di dalam madrasah-madrasah orang-orang Islam.


Tetapi, kata wartawan Jamīl 'Ārif, segala

percubaan Perancis dan angkara penyiar-penyiar Kristian

di Cameroon telah gagal. Islam telah kekal bertapak kuat di Cameroon, dan telah berkekalan cahayanya menerangi seluruh Republik Cameroon.

Orang-orang Islam dilarang memegang jawatan kerajaan

Saya, kata wartawan Jamīl Arif, telah



Shaykh al-Islām Afrika Barat, Faḍīlah al-Shaykh Ibrahim Naisse¹, dalam perjalanan ke masjid untuk menunaikan

fardu jumaat, dengan diiringi oleh pengikut-pengikut dan murid-muridnya. Beliau seorang penganjur Islam yang berpengaruh

dalam kalangan pengikut-pengikutnya yang berjumlah 15 juta.

¹ Ejaan sebenarnya ialah Niasse, bukannya Inās

berusaha untuk mengetahui jumlah sebab-sebab yang mendorongkan penajah-penajah di Afrika bertindak menindas umat Islam di tanah jajahannya.

Akhirnya dapatlah saya mengetahui beberapa hakikat yang telah terdedah dengan jelasnya.

Di Cameroon misalnya, jelaslah bahawa pertubuhan-pertubuhan penyiar agama Kristian, pada zaman sebelum merdeka, itulah yang menggerakkan penajah yang memegang teraju pemerintahan menggunakan segala cara tindasan yang kejam ke atas orang-orang Islam di situ, supaya mereka membenarkan penyebar-penyebar agama Kristian menyeludup ke kawasan-kawasan orang-orang Islam di utara Cameroon.

Tetapi usaha penajah itu telah gagal, dan tingallah penyiar-penyiar Kristian itu bergerak dalam kawasan-kawasan yang terhad di bandar “Douala” – bandar pelabuhan Cameroon, dan bandar “Yaoundé” ibu negeri Cameroon.

Di Liberia tidak kurang kejamnya

Di Liberia, sebuah negeri merdeka di Afrika Barat, pertubuhan-pertubuhan penyebar Kristian dari Amerika yang bertapak di situ menjalankan peranan yang besar dalam usaha menindas umat Islam.

Menurut undang-undang negeri Liberia, seseorang rakyat Liberia tidak dibenarkan memegang jawatan kerajaan melainkan apabila ia beragama Kristian.

Sedang penduduk Liberia yang besar sekali jumlahnya ialah orang-orang Islam.

Dengan tekanan undang-undang ini, tidak ada seorang pun daripada umat Islam – yang berjumlah dua juta

orang – yang memegang jawatan kerajaan atau menjadi tentera. Oleh itu umat Islam Liberia berpaling kepada perniagaan, dan pada setengah-setengah tempat di Liberia umat Islam membolot perniagaan intan berlian.

Liberia menjadi pusat penyebar Kristian yang besar sekali di seluruh Afrika Barat.

Dalam sebuah tempat yang terletak kira-kira 10 batu dari bandar Monrovia – ibu negeri Liberia, terdiri sebuah jabatan siaran radio yang khas, yang dippunyai oleh salah sebuah pertubuhan penyebar agama Kristian Amerika. Stesen radio ini ialah yang kuat sekali di daerah itu dan kebanyakan siarannya berdasarkan propaganda Kristian.

Shaykh al-Islām Afrika Barat

Di Senegal, kata wartawan Jamīl ‘Ārif, saya telah berjumpa dengan Shaykh al-Islām Afrika Barat, Shaykh Ibrahim Naisse.

Beliau ialah seorang pengaruh Islam yang terkemuka dan mempunyai pengikut dan murid-murid yang berjumlah kira-kira 15 juta di negeri-negeri Senegal dan Nigeria serta di wilayah-wilayah pedalaman Afrika.

Pusat penyebaran Islam yang dipimpin oleh as-Shaykh Ibrahim Naisse ini terletak di bandar “Khaluka”, kira-kira 200 kilometer dari bandar “Dakar” ibu negeri Senegal.

Seyogea disebut, 95 peratus dari penduduk Republik Senegal ialah beragama Islam, dan satu peratus beragama Kristian, manakala 4 peratus lagi beragama jahiliyyah.

Kedatangan kami telah disambut oleh Shaykh al-Islām

dengan gembiranya sambil menggenggam tangan saya dengan

mendekati saya lalu berkata:

kuatnya beliau berkata dengan bahasa Arab yang fasih:

“Inilah pertama kali dua orang dif dari

“Syukur kepada Allah ‘Azza wa Jalla, setelah jalan yang telah

Republik Arab Bersatu sampai ke tempat ini (di bandar

terputus sekian lama itu berhubung semula, sedang

Kaluka)”

jalan itu pada masa yang silam telah menghubungkan negeri

Saya pun berpaling kepada Shaykh al-Islām lalu

kami dengan orang-orang timur!”

terpandang air matanya sedang bergenang. Saya pun

Saya tidak faham apa maksud Shaykh al-Islām

berkira hendak berkata sesuatu, tiba-tiba kedengaran

itu, lalu saya berpaling kiri kanan hendak bertanya.

suara murid-murid Shaykh al-Islām dan pengikutnya bertakbir:

Tiba-tiba setiausaha Shaykh al-Islām (seorang

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar!

anak muda yang pernah melanjutkan pelajarannya di Azhar)

Mereka tidak berhenti daripada bertakbir melainkan



Kanak-kanak Islam Afrika sedang mengaji Qur'an dengan rajinnya. Tempat mengaji Qur'an ini ialah di bandar

Usumbura, ibu negeri Ruanda-Urundi.

setelah Shaykh al-Islām bergerak menuju ke masjid untuk

menunaikan fardu jumaat. (Kebetulan hari itu hari

Jumaat.).

Shaykh al-Islām mahu guru-guru dari Azhar

Dalam pertemuan saya dengan Shaykh al-Islām

sesudah sembahyang Jumaat, beliau telah menceritakan perihal

orang-orang Islam di Afrika Barat, dan bagaimana penjajah

telah memisahkan mereka daripada saudara-saudara mereka di negeri-negeri

Islam yang lain.

Walaupun beliau telah dibenarkan oleh penjajah

Perancis untuk keluar menunaikan fardu haji tetapi

telah dilarang daripada pergi ke Mesir.

(Setelah Senegal merdeka, Shaykh al-Islām telah

berangkat ke Mesir pada bulan Mac yang lalu dengan mendapat

sambutan yang meriah - P.).

Tatkala ditanya setakat mana sekatan-sekatan yang pernah

dilakukan oleh penjajah Perancis dahulu terhadap

umat Islam di Afrika Barat, Shaykh al-Islām menjawab:

“Penjajah Perancis telah melarang bahasa Arab,

bahasa al-Qur’ān, daripada diajarkan dalam sekolah-sekolah kami.

“Tetapi syukur, setelah Senegal merdeka,

kami telah dapat membuka sekolah-sekolah yang mengajar Bahasa

Arab.”

Setelah dia sejurus beliau berkata:

“Tetapi masih ada masalahnya. Kami berkehendakkan

guru-guru yang mengajar anak-anak kami bahasa Arab, bahasa

al-Qur’ān.”

Saya faham akan maksud Shaykh al-Islām. Memang

banyak orang-orang Islam di Senegal yang hafaz al-Qur’ān, tetapi

mereka tidak mengetahui akan maknanya.

Sebelum Senegal mencapai kemerdekaan

penjajah Perancis telah melarang Bahasa Arab diajarkan

di sekolah-sekolah, supaya dapat menyekat orang-orang Islam daripada

memahami ktab suci al-Qur’ān.

Tetapi sekarang, dalam zaman Senegal merdeka,

hasrat Shaykh al-Islām bertambah kuat dan beliau telah

menyatakan hajatnya berkehendakkan guru-guru untuk mengajarkan

bahasa Arab kepada orang-orang Islam Senegal supaya

mereka dapat memahami kandungan kitab suci al-Qur’ān

al-Karīm.

Layanan penjajah terhadap Islam dan Kristian

Di bandar Dakar, kata wartawan “Akhir Sa’ah”,

saya telah diberitahu oleh ketua-ketua Islam di situ,

tentang layanan penjajah Perancis kepada rakyatnya sebelum

Senegal merdeka.

Sebagai contoh, Perancis telah menyediakan

perbelanjaan bagi penyiaran agama Kristian sebanyak 778

juta franc Afrika setahun, iaitu kira-kira sejuta

pound. Tetapi Perancis tidak memberikan walau satu

franc kepada pertubuhan-pertubuhan Islam


Yahudi Israel: Boneka penjajah yang berbahaya

Dalam usaha menentang pengkhianatan Yahudi Israel

di Afrika, Shaykh al-Islām yang berpengaruh ini telah mengambil

bahagian yang besar.

Penjajah Perancis telah membuka pintu yang seluas-luasnya



Suatu pemandangan dalam kongres 7 buah negara Afrika yang merdeka, iaitu Republik Arab Bersatu, Libya, Maghribi, Ghana, Guinea, Mali dan juga Algeria, yang telah bersidang di Casablanca dan telah memutuskan bahawa Yahudi Israel, boneka penjajah, bukan sahaja membahayakan keselamatan timur tengah tetapi juga membahayakan keselamatan negara-negara Afrika yang merdeka. Bahaya ini mestilah dihancurkan sebelum merebak.

dan memberi kemudahan serta galakan kepada gerombolan-gerombolan

pengkhianatannya terhadap Islam dan umat Islam semenjak

Yahudi Israel yang datang mencurah-curah ke negeri-negeri Senegal

zaman Nabi kita dahulu.

dalam masa beberapa bulan sebelum negeri itu mencapai

Dengan semangat inilah, Shaykh al-Islām, Shaykh Ibrahim

kemerdekaan, supaya orang-orang Yahudi itu menjadi

Naisse, telah menyambut kedatangan bulan Ramaḍān yang lalu

alat penjajah di situ setelah negara Senegal merdeka.

dengan mengadakan majlis syarahan tafsir Qur'an selepas

Melihat sikap Perancis yang demikian, maka Shaykh al-Islām

sembahyang Isyak selama 40 malam terus menerus dengan

yang bijaksana itu segera bertindak menentang bahaya Yahudi.

dihadiri oleh beribu-ribu murid-murid dan pengikut-pengikutnya

Tentang ini beliau pernah menegaskan: "Sebenarnya

di bandar Kaluka (Kolakh). Lalu dihuraikannya kandungan

Yahudi Israel adalah suatu bentuk baharu bagi

ayat-ayat suci al-Qur'ān al-Karīm yang memperikan hal kaum

penjajahan Perancis, tetapi dalam bentuk yang

Yahudi Banī Israel.

berbungkus!"

Ayat cuci yang mula-mula dikupasnya ialah firman

Dengan semangat yang berkobar-kobar, beliau tidak berhenti-henti

Allah Ta'ala:

menyedarkan bangsanya akan bahaya Yahudi yang tidak putus-putus

"Wāi dhu adhdha nā rabbukalayab'athanna 'alayhim ilā yawmi al-qiyāmati man

yasūmuhum sū'a l-‘adhāb” (167, surat

al-‘Arāf).

Ertinya: “Dan ingatlah tatkala Tuhanmu (Ya Muhammad) menyatakan bahawa sesungguhnya ia akan mengantarkan kepada mereka (kepada kaum Yahudi) kaum yang menimpakan mereka dengan seksaan yang seburuk-buruknya hingga hari kiamat.”

Ayat suci ini telah dihuraikan oleh beliau dengan luas dan mendalam, kemudian dikupasnya pula sifat-sifat dan tabiat Yahudi dan perihal pencerobohan mereka yang tiada berkeputusan.

Akhirnya beliau mengupas soal Palestin dan pencerobohan Yahudi dengan bantuan penjajah yang telah merompak harta benda dan merampas tanah-tanah penduduknya yang subur dan membiarkan orang-orang Palestin menderita dan berkeliaran.

Shaykh Bamba² dan Jeneral de Gaulle

Di antara cerita-cerita yang telah saya dengar dari orang-orang Senegal ialah tentang Shaykh Bamba dengan Jeneral de Gaulle. Shaykh Bamba ialah seorang ulama besar yang terkemuka. Dalam masa Jeneral de Gaulle melawat Senegal dan pergi menziarahi Shaykh Bamba yang berpengaruh itu, Shaykh Bamba telah enggan berjabat tangan dengan Jeneral de Gaulle.

Tatkala ditanya akan sebabnya, beliau berkata:

“Dia (Jeneral de Gaulle) betul menjadi ketua negara Perancis, tetapi aku ada membawa kitab suci al-Qur’ān di dalam saku, sedang al-Qur’ān tidak boleh disentuh melainkan orang-orang yang suci.”

Atau dengan kata-kata yang laim, Shaykh Bamba bermaksud hendak mengatakan bahwa Jeneral de Gaulle ialah seorang

yang najis!

Kristian membolehkan kahwin dua di Afrika

Di Congo, kata wartawan Jamīl ‘Ārif, saya telah berjumpa dengan seorang paderi katolik, lalu saya berbahas dengannya beberapa jam tentang peranan yang dimainkan oleh gereja katolik dalam masyarakat orang-orang Congo.

Saya terperanjat apabila mendengar paderi itu berkata bahawa gerejanya kerap kali membenarkan orang-orang Afrika yang beragama Kristian beristeri lebih daripada satu.

Tetapi agama Kristian tidak membenarkan beristeri lebih daripada satu?” saya bertanya.

Paderi menjawab: “Pada mulanya kami memberi nasihat kepada orang Afrika yang beragama Kristian supaya jangan berkahwin lebih dari satu, tetapi kalau didapati seseorang itu berdegil hendak melakukan yang demikian, kami akan menjalankan akad perkahwinannya yang kedua (dengan isteri yang kedua) di dalam gereja dan memberkatinya.”

“Tetapi yang demikian ini bertentang dengan ajaran gereja katolik?” saya bertanya lagi.

Paderi itu membisu.

Pada saat itu mengetahuilah saya, mengapa gereja katolik di Afrika telah menghalalkan berbilang-bilang isteri.

Dan sebabnya ialah bahawa laporan penyiar-penyiar agama Kristian berterus terang menegaskan bahawa banyak orang-orang Afrika yang beragama Kristian telah keluar beramai-ramai dari agama Kristian kerana mereka disekat daripada beristeri

² Merujuk kepada Sheikh Amadou Bamba



**“Ya Tuhan, selamatkanlah dan kurniakanlah kemenangan kepada orang-orang Islam di Afrika dan di seluruh dunia”,
demikianlah doa yang terpancar dari hati seorang perempuan Islam Afrika yang tertera gambarnya di sini. Umat Islam di Afrika sedang berjuang menentang penjajah dan boneka-boneka yang berbagai aneka!**

lebih dari satu. Akhirnya gereja katolik beralih lalu membenarkan orang-orang Kristian berbilang-bilang isteri, tetapi hanya di Afrika sahaja!

Persatuan Islam di Congo

Di bandar Stanleyville di Congo, saya dengar tentang

sebuah Jemaah Islam bernama “*Jam‘iyah al-Wahdah al-Islamiyah*” atau “Kesatuan Islam”. Jemaah ini banyak ahli-ahlinya di daerah-daerah utara Congo, tempat orang-orang Islam berkampung.

Pada masa yang lalu, penjajah Belgium telah menindas orang-orang Islam di Congo sehingga mereka tidak dibenarkan menjalankan ibadah yang diperintahkan oleh Islam, dan anak-anak mereka telah dilarang daripada bersekolah.

Setelah Congo mencapai kemerdekaan, maka “Kesatuan Islam” telah menyokong penuh mendiang Patrice Lumumba, kerana beliau sebenar-benarnya seorang yang berjiwa merdeka dan tidak pula menyekat orang-orang Islam Congo daripada membuka sekolah untuk anak-anak mereka - bagi pertama kali – dalam sejarah Congo semenjak dijajah oleh Belgium!

Wartawan Jamīl ‘Ārif telah menutup tulisannya dengan berkata:

Masih tinggal satu hakikat yang saya hendak katakan dengan berterus terang. Menurut pendapat saya, segala usaha kerajaan-kerajaan penjajah untuk menekan dan menindas umat Islam di benua Afrika telah gagal!

Cahaya Islam tetap berkekalan terpancar terang!

Cahaya Islam tetap tinggal memenuhi tiap-tiap tempat di seluruh benua yang besar itu.

Tetapi umat Islam di sana berhajat kepada pimpinan dan kepada guru-guru agama yang mengajar dan memberi penerangan tentang ajaran dan perintah-perintah Islam.

Dan sekarang apa kata al-Azhar?